

SULIT

NO. KAD PENGENALAN/
NO. SIJIL KELAHIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH 20XX

MATEMATIK

Kertas 2

September

1 jam

015/2

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- Kamu dikehendaki menulis **nombor kad pengenalan / nombor sijil kelahiran dan angka giliran** kamu pada petak yang disediakan.*
- Kertas soalan ini mengandungi **15** soalan.*
- Jawab **semua** soalan.*
- Tulis jawapan kamu dengan jelas dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.*
- Tunjukkan langkah-langkah penting. Ini boleh membantu kamu untuk mendapatkan markah.*
- Sekiranya kamu hendak menukar jawapan, padamkan jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
- Rajah yang mengiringi soalan tidak dilukis mengikut skala kecuali dinyatakan.*
- Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
- Serahkan kertas soalan ini kepada pengawas peperiksaan di akhir peperiksaan.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Kod Pemeriksa:		
Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
1	2	
2	2	
3	3	
4	4	
5	3	
6	3	
7	5	
8	4	
9	4	
10	5	
11	5	
12	5	
13	5	
14	5	
15	5	
Jumlah	60	

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak.

[60 markah]

Jawab **semua** soalan.

1 Rajah 1 menunjukkan sekeping kad nombor.

2 736 981

Rajah 1

(i) Nyatakan digit yang mewakili nilai tempat ratus ribu.

..... [1 markah]

(ii) Bundarkan 2 736 981 kepada puluh ribu yang terdekat.

..... [1 markah]

1

2

2 Rajah 2 menunjukkan sebuah segi empat tepat yang dibahagikan kepada beberapa bahagian yang sama besar.



Rajah 2

(i) Tulis pecahan yang mewakili bahagian berlorek daripada seluruh rajah.

..... [1 markah]




(ii) Nyatakan nilai pecahan itu dalam nombor perpuluhan.

..... [1 markah]

2

2

- 3 (i) Nombor di dalam segi empat sama ditambah dengan nombor di dalam bulatan dan jumlahnya didarab dengan nombor di dalam segi tiga sama sisi.



Apakah jawapannya?

[2 markah]


- (ii) Rajah terdiri daripada tiga jenis poligon.



Heksagon



Segi empat sama



Segi tiga sama sisi

Lidya memilih salah satu daripada poligon itu yang mempunyai ciri-ciri berikut;

1. Setiap bucu bersudut cakah.
2. Setiap sisinya sama panjang.

Namakan poligon pilihan Lidya.

[1 markah]

4 Temu janji Alias di Klinik Amar ialah pada pukul 10.05 a.m. Alias sampai di klinik pada pukul 9.52 a.m. Selepas menerima rawatan, Alias meninggalkan klinik pada pukul 10.25 a.m. dan sampai di sekolah 45 minit kemudian.

(i) Alias sampai lebih awal daripada masa temu janjinya.

Berapa minitkah Alias sampai lebih awal di klinik tersebut?

[1 markah]

(ii) Pukul berapakah Alias sampai di sekolah?

Nyatakan waktu Alias sampai dalam sistem 24 jam.

[3 markah]

4

4

5 Berikut adalah perbualan di antara Cikgu Uya dan tiga orang murid.

Saya dapat mengumpul 120 tin.

Jumlah bilangan tin yang kami kumpul adalah sama.

Jumlah semua tin yang kamu kumpul sebanyak 380 tin sahaja.

Jasni

Logan Kim

Cikgu Uya


Berdasarkan perbualan, hitung bilangan tin minuman yang dikumpul oleh Kim.

[3 markah]

5

3

6 Rajah 6 menunjukkan jisim sebiji tembikai.



Rajah 6


(i) Nyatakan jisim, dalam kg, sebiji tembikai itu.

[1 markah]

(ii) Berapakah bilangan tembikai yang sama jisim perlu ditambah supaya jumlah jisim tembikai keseluruhannya tidak melebihi 5 kg?

[2 markah]

7 Rajah 7 menunjukkan sebuah silinder penyukat yang berisi air.



Rajah 7

(i) Nyatakan isi padu, dalam ml , air itu.

..... [1 markah]

(ii) Air dikurangkan sebanyak 140 ml .
Hitung isi padu, dalam ℓ , air yang tinggal.

[2 markah]

(iii) Berdasarkan soalan (ii), air yang tinggal itu telah dituangkan ke dalam 3 bekas yang sama saiz.

Hitung min isi padu air di dalam setiap bekas.

[2 markah]

8 Min bagi 5 nombor ialah 18.

(i) Cari jumlah bagi 5 nombor tersebut.

[2 *markah*]

(ii) Jumlah tiga nombor yang dikeluarkan ialah 36.

Hitung min bagi 2 nombor yang tinggal.

[2 *markah*]

CONTOH

- 9 Amy membuat kajian tentang waktu mengulangkaji pelajaran dalam kalangan rakan-rakannya.

Jadual di bawah menunjukkan keputusan kajiannya.

Masa	Bilangan orang
Sebelum 7.00 p.m.	3
7.00 p.m. hingga 7.59 p.m.	8
8.00 p.m. hingga 8.59 p.m.	9
9.00 p.m. hingga 9.59 p.m.	6
Selepas 10.00 p.m.	4

- (i) Berapakah jumlah rakan Amy yang mengulangkaji sebelum 8.00 p.m.


.....
[1 markah]

- (ii) Amy mengatakan bahawa $\frac{1}{3}$ daripada rakan-rakannya mengulangkaji sebelum 9.00 p.m.

Buktikan kenyataan Amy ini benar atau salah.

[3 markah]

10 Rajah 10.1 menunjukkan kotak berbentuk kuboid.




Rajah 10.1

(i) Hitung isi padu kotak itu.

[2 markah]

(ii) Haris menyusun 240 buah kubus yang sama ke dalam kotak pada Rajah 10.1 dengan menggunakan salah satu daripada tiga jenis kubus pada Rajah 10.2.



Rajah 10.2

Bilangan kubus yang digunakan hanya boleh memenuhi $\frac{3}{4}$ daripada seluruh ruang kotak itu. Buktikan.

[2 markah]

(iii) Tandakan (\checkmark) kubus yang digunakan oleh Haris.





[1 markah]

Kubus A

Kubus B

Kubus C

11 Piktograf menunjukkan bilangan alas meja yang dijual dalam tempoh sebulan.

Warna alas meja	Bilangan alas meja
Biru	
Merah	
Putih	
Kuning	



mewakili 100 helai alas meja

(i) Tuliskan satu warna alas meja yang dijual lebih daripada 400 helai.

.....

[1 markah]

(ii) Sebanyak 20% daripada keseluruhan bilangan alas meja dijual kepada Syarikat Cahaya Murni.

Hitung bilangan alas meja yang dijual kepada Syarikat Cahaya Murni.


[2 markah]

(iii) Harga jual sehelai alas meja ialah RM9.

Hitung jumlah harga yang dibayar oleh Syarikat Cahaya Murni.

[2 markah]

- 12 Rajah 12 menunjukkan sebuah kotak berbentuk kuboid. Dua daripada permukaan kotak itu dilorek.




Rajah 12

- (i) Hitung jumlah luas permukaan berlorek itu.

[2 markah]

- (ii) Pada petak grid yang disediakan, lukis sebuah segi empat tepat yang mempunyai luas yang sama dengan jumlah luas permukaan yang berlorek.

[3 markah]



- 13 Rajah 13 menunjukkan sehelai kertas iklan yang telah diedarkan ke rumah Encik Hamdan.

JOM BERCUTI DI TAMAN TEMA TANAH TINGGI		
Bayaran Masuk		Sempena cuti sekolah kami menawarkan pakej percutian yang menarik untuk anda sekeluarga. PAKEJ ISTIMEWA Setiap pembelian 2 tiket dewasa anda layak mendapat separuh harga tiket seorang kanak-kanak.
Umur	Harga Tiket	
Dewasa (16 tahun dan ke atas)	RM28.90	
Kanak-kanak	RM20.00	

Rajah 13

Encik Hamdan dan isterinya bercadang membawa keluarganya bercuti di taman tema itu. Berikut ialah umur anak-anak Encik Hamdan:

Anak	Umur (Tahun)
Halim	18
Hafeeza	17
Hadif	16
Hanum	14
Hakim	9

- (i) Berapakah jumlah wang yang perlu dibayar oleh Encik Hamdan untuk keluarganya memasuki taman tema itu?

[2 markah]

- (ii) Encik Hamdan menggunakan kad kredit untuk membuat pembayaran pakej percutian keluarganya. Cukai sebanyak 6% dikenakan daripada jumlah keseluruhan bilnya.

Berapakah kos yang perlu dibayar oleh Encik Hamdan?

[3 markah]

CONTOH

14 Jadual 14 menunjukkan peratusan jenis buku yang terdapat di Pusat Sumber Sekolah. Peratusan buku Bahasa Melayu tidak ditunjukkan.

Jenis buku	Peratusan
Bahasa Melayu	
Matematik	15%
Sains	20%
Sejarah	35%

Jadual 14


Jumlah bilangan buku di Pusat Sumber ialah 1000 buah.

(i) Hitung peratusan buku Bahasa Melayu.

[2 markah]

(ii) Berdasarkan maklumat pada Jadual 14, lengkapkan carta palang untuk menunjukkan bilangan buku mengikut jenis yang terdapat di pusat sumber sekolah itu.

[3 markah]



15 Jadual 15 menunjukkan bilangan anak pokok bunga ros yang disemai di tapak semaian.

Bunga	Bilangan anak pokok
Ros merah	40
Ros kuning	$\frac{3}{4}$ daripada bunga ros merah
Ros biru	25

Jadual 15

Berdasarkan Jadual 15:

- (i) Hitung beza antara bilangan anak pokok bunga ros yang paling banyak dengan yang paling sedikit.

[2 markah]

- (ii) Purata peruntukan kos bagi setiap anak pokok bunga ros yang disemai ialah RM18.70 sebulan. Pada akhir bulan, sebanyak 15% daripada anak pokok bunga ros merah dan 20% daripada anak pokok bunga ros biru telah mati.

Hitung jumlah sebenar kos untuk semaian anak pokok bunga ros.

[3 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT